



24 JUL, 2020

## Pelitup muka wajib dipakai

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

**Wajib pakai  
pelitup muka  
ketika naik  
kenderaan  
awam mulai  
1 Ogos**

14



# Pelitup muka wajib dipakai

Arahan bermula 1 Ogos ini kepada pengguna semua kenderaan awam

**KUALA LUMPUR**

**P**emakaian pelitup muka akan diwajibkan di pengangkutan awam dan tempat-tempat awam yang sesak bermula pada 1 Ogos ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, orang ramai boleh dikompaun RM1,000 di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) sekiranya gagal mematuhi peraturan terbaharu itu.

“Keputusan ini dibuat semasa Mesyuarat Khas Menteri-menteri Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan,”



**Pemakaian pelitup muka dikuatkuasakan kepada orang ramai untuk menaiki semua kenderaan awam dan berada di tempat sesak seperti pasar serta pasar tani bermula pada 1 Ogos ini. Gambar kecil: Ismail Sabri.**

katanya pada sidang media perkembangan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di bangunan Parlimen di sini semalam.

Menurutnya, keputusan itu mengambil kira penambahan kluster-kluster baharu yang

telah dikenal pasti, selain atas nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Buat masa ini, peraturan tersebut hanya dikuatkuasakan untuk menaiki semua kenderaan awam seperti LRT, MRT dan bas serta di tempat

sesak seperti pasar dan pasar tani,” katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, spesifikasi bagi mereka yang mahu menjahit pelitup muka sendiri akan dikeluarkan oleh KKM dalam media bagi memastikan pelitup muka yang dihasilkan itu menepati syarat yang ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Menurutnya, kerajaan selama ini tidak mewajibkan pemakaian pelitup muka kerana memahami keadaan mereka yang berpendapatan rendah untuk membeli pelitup muka pakai buang.

“Untuk pakai buang, yang terbaik pakai untuk tiga jam dan tukar.

“Jika keluarga besar tentu tanggungan besar (beli pelitup muka), jadi WHO keluarkan peraturan boleh pelitup muka biasa tetapi ada spesifikasinya,” kata beliau. - *Bernama*



24 JUL, 2020

## Pelitup muka wajib dipakai

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Wajib pakai pelitup muka ketika naik kenderaan awam mulai 1 Ogos 14

Arahan bermula 1 Ogos ini kepada pengguna semua kenderaan awam KUALA LUMPUR Pemakaian pelitup muka akan diwajibkan di pengangkutan awam dan tempat-tempat awam yang sesak bermula pada 1 Ogos ini. Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, orang ramai boleh dikompaun RM1,000 di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) sekiranya gagal mematuhi peraturan terbaharu itu.